


SEBUT HARGA DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

(JILID 1/2)

BAGI

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS
DUTI SEDERHANA UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI
TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/712
TARIKH BUKA	6 JULAI 2026
TARIKH TUTUP	20 JULAI 2026
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
PERSIARAN PERPADUAN, USJ 5,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my**

ISI KANDUNGAN

PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

MBSJ.KUB.400-5/6/712

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS1 – SS5
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENIFISIAL – LAMPIRAN 12	BP 1
D	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA – LAMPIRAN 13	SAS 1
E	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP1 – AKP16
F	BORANG SEBUT HARGA	BS1
G	<i>PREAMBLES</i>	P1
H	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS1
J	SENARAI KUANTITI	SK1 – SK2
K	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PP1 – PP3
L	LOKASI PENEMPATAN	LP1-LP4
M	KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN	KD1
N	MAKLUMAT PETENDER	MP1 – MP12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA/TENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

(KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan ☐ / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Sila tandakan ☐ X Bagi Dokumen-dokumen Yang Tidak Disertakan atau Tidak Berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	<u>Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut :</u> a) Salinan penyata bulanan bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga bagi bulan April, Mei dan Jun 2026. (Penyata bank tersebut hendaklah disahkan oleh pihak bank yang mengemukakan penyata tersebut) atau; b) Jumlah simpanan yang terdiri daripada deposit tetap, Amanah Saham, Tabung Haji (bagi perniagaan jenis milikan tunggal)(jika berkaitan) atau; c) Baki nilai kemudahan kredit (jika berkaitan) dengan pengesahan daripada institusi kewangan atau; d) Nilai kemudahan kredit tambahan yang layak/akan diperolehi dengan pengesahan daripada bank atau institusi kewangan (jika berkaitan) atau; e) Sebarang salinan dokumen/surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain yang terkini dan disahkan atau; f) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi 3 (tiga) tahun kewangan terakhir yang telah disahkan oleh Akauntan bertauliah tersebut bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja; Penyata bank di atas HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PIHAK BANK yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
2	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai tawaran) dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
4	Salinan Borang D atau Borang E bagi kontraktor/pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau: Salinan Borang Teras (<i>Super Form</i>) bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)	☐	☐
5	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran 12) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
6	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dengan ditandatangani (Wajib)	☐	☐
7	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun kalendar semasa dan berstatus 'PATUH' - sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil 1. Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di lampiran kepada Arahan Kepada Petender. (Wajib)	☐	☐
8	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat atau Sijil Akuan pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). (Wajib)	☐	☐
9	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
10	Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/ keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti: a) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan b) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan c) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat. d) Salinan sijil-sijil kursus/seminar/latihan berkaitan	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
11	Mengasingkan Dokumen Sebut harga berkaitan Kewangan (Jilid 1/2) dan Teknikal (Jilid 2/2) dalam sampul surat yang berbeza dan dimasukkan dalam satu (1) sampul surat lain yang lebih besar. (Wajib)	☐	☐
12	Katalog Mesin Penyalin (jika ada)	☐	☐
13	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) Petender perlu mengemukakan Salinan Surat Akuan Jaminan Prinsipal (Wajib) ii) Salinan Sijil Pengesahan dari <i>Energy Star</i> atau Sijil Berkaitan <i>'Environmental Friendly'</i> (Jika ada) iii) _____ _____	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐

	PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar. Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :	UNTUK KEGUNAAN JABATAN Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(Jika ada) Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :
--	--	--

*Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

**SURAT AKUAN PEMBIDA –
LAMPIRAN 6**

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

MBSJ.KUB.400-5/6/712

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
No. Kad Pengenalan yang mewakili
..... (Nama Syarikat)
nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan
ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

**BORANG PENGISYTIHARAN
PEMUNYA BENEFISIAL
(LAMPIRAN 12)**

LAMPIRAN 12

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA
UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

MBSJ.KUB.400-5/6/712

- ☐ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial di SSM
- ☐ Berdaftar dengan SSM dan tidak menyerahkan simpan maklumat pemunya benefisial di SSM (Syarikat enterprise)(perlu menghantar borang tanpa diisi)
- ☐ Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

Tandakan ☐

Nama Syarikat:

Butiran Pemunya Benefisial:

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Jawatan dalam syarikat (sekiranya ada)	Kewarganegaraan

Sayanombor kad pengenalan/ no. pasport yang mewakili syarikat/perniagaan nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengesahkan bahawa senarai pemunya benefisial syarikat seperti mana pemberitahuan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berdasarkan Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Yang Benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

***Potong yang mana tidak berkenaan**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

**SURAT AKUAN SYARIKAT
DALAM MENANGANI
PEMERDAGANGAN ORANG DAN
BURUH PAKSA
(LAMPIRAN 13)**

LAMPIRAN 13

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

MBSJ.KUB.400-5/6/712

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
..... No. Kad Pengenalan yang
mewakili (Nama Syarikat)
..... nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi;
dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

**ARAHAN KEPADA
PETENDER**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

**BORANG SEBUT
HARGA**

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BORANG SEBUT HARGA**

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA
UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

Kepada :
Datuk Bandar,
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan Senarai Kuantiti serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga sebanyak : **(Ringgit Malaysia :)**
.....) RM bagi tempoh bekalan (ditetapkan) adalah selama tiga (3) tahun.

Saya/Kami bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

Saya/Kami bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk sama ada:

- a) Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/ Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/ Takaful

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan

Petender akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk **Jadual Fi Bayaran di Perkara 21.0 dalam Arahan Kepada Petender.**

Bertarikh pada haribulan 2026.

.....
Tandatangan Petender

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....
Meterai atau Cap
Petender :
No. Telefon :
Tarikh :

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....

No. Telefon :
Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PREAMBLES

PREAMBLES

PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

MBSJ.KUB.400-5/6/712

Bil	Huraian
A	<u>KRITERIA ASAS PERKHIDMATAN MESIN PENYALIN</u>
1	Bagi Perkhidmatan Penyewaan Mesin Penyalin Hitam Putih Jenis Duti Sederhana Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (2026-2029) adalah ditetapkan selama tiga puluh enam (36) bulan .
2	Mesin penyalin yang ditawarkan mestilah mesin baru jenis digital yang mempunyai aplikasi ' <i>networking printing</i> ' dan sistem ' <i>tracking meter reading</i> ' secara <i>online</i> .
3	Kelajuan mesin penyalin yang dikehendaki ialah 35ppm seperti di Bahagian J : Senarai Kuantiti .
4	Sekiranya mesin penyalin berupaya menyimpan memori, pihak syarikat adalah bertanggungjawab memastikan memori yang tersimpan dipadamkan apabila tamat tempoh kontrak
5	Petender akan menanggung Fi bagi penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Sila rujuk Jadual Fi Bayaran di Lampiran A dalam Arahan Kepada Petender.
6	Lain-lain tanggungjawab dan makluman kepada Petender adalah seperti di Bahagian K: Skop Perkhidmatan Bekalan/ Penentuan Perkhidmatan .
B	<u>CAJ BACAAN METER (METER READING)</u> (wajib diisi)
1	Caj Bacaan Meter (<i>meter-reading</i>) ini adalah caj yang dikenakan terhadap setiap salinan yang dicetak/disalin yang akan ditanggung oleh pihak MBSJ dan perlu diisi di Senarai Kuantiti di Bahagian J .
2	Caj yang terlibat ialah : - Caj Bacaan Meter Sesalinan untuk Hitam Putih. Caj sesalinan yang boleh ditawarkan adalah RM0.03 atau lebih rendah. - Caj Bacaan Meter Sesalinan untuk Warna. Caj sesalinan yang boleh ditawarkan adalah RM0.35 atau lebih rendah.

Bil	Huraian
C 1	<u>SPOILT COPY@ REBATE</u> (wajib diisi) Syarikat perlu menawarkan sekurang-kurangnya minima 3% Spoilt Copy daripada jumlah salinan setiap bulan dan perlu diisi di Senarai Kuantiti di Bahagian J. <i>(*Peratusan spoilt copy yang ditawarkan tidak perlu dimasukkan di dalam Jumlah Keseluruhan Harga di Senarai Kuantiti).</i>
D A B C D	<u>Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807]</u> Semua tawaran harga secara Sebut Harga yang dikemukakan oleh Petender hendaklah tanpa kenaan CJCP. Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj CJCP kepada pihak Majlis. Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaan CJCP. Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta CJCP, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar CJCP setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta CJCP. Pelarasan harga kenaan CJCP tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P).
E 1	<u>BON PELAKSANAAN:</u> Petender hendaklah menyediakan menyediakan Bon Perlaksanaan (<i>Perfomance Bond</i>) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

RINGKASAN SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

RINGKASAN SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

MBSJ.KUB.400-5/6/712

BIL	RINGKASAN KERJA	JUMLAH (RM)
1.	Jumlah dari muka surat SK 1/2	
2	Jumlah dari muka surat SK 2/2	
	JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)	

RINGGIT MALAYSIA :
.....

TEMPOH PERKHIDMATAN PENYEWAAN (DITETAPKAN) :TIGA (3) TAHUN

.....
Tandatangan Petender

.....
Tandatangan Saksi

Nama :
No. Kad
Pengenalan :
Alamat :
.....
.....
Cap & Alamat
Syarikat :

No. Telefon :
Tarikh :

Nama :
No. Kad
Pengenalan :
Alamat :
.....
.....

No. Telefon :
Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

SENARAI KUANTITI

SENARAI KUANTITI

PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

MBSJ.KUB.400-5/6/712

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KUANTITI (A)	KADAR SEWAAN PER UNIT (RM) (B)	KADAR SEWA SEBULAN (RM) (A x B) (C)	TEMPOH KONTRAK SEWAAN (BULAN)	JUMLAH KESELURUHAN (RM) (C x TEMPOH KONTRAK SEWAAN)
1.	Penyewaan Mesin Penyalin Hitam Putih Jenis Duti Sederhana berkelajuan 35 ppm atau setara.	NOS	21			36 bulan	
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)							

Jadual 2: Kos cetakan berdasarkan bacaan meter (*meter reading*)

BIL	HURAIAN	(A) ANGGARAN KUANTITI (SEBULAN)	(B) ANGGARAN KUANTITI SETAHUN B=(A) X 12	(C) ANGGARAN KUANTITI 3 TAHUN C=(B) x TEMPOH SEWA)	(D) CAJ BACAAN METER SESALINAN (HITAM/PUTIH) / (WARNA)	(E) ANGGARAN KOS CETAKAN (SEBULAN) E=(D) X (A)	(F) ANGGARAN KOS CETAKAN SETAHUN F= (E) X 12	(G) ANGGARAN KOS CETAKAN KESELURUHAN 36 BULAN/ 3 TAHUN G= (F) X 3
2.	CAJ BACAAN METER (CETAKAN) Caj Bacaan Meter (<i>meter-reading</i>) ini adalah caj yang dikenakan terhadap setiap salinan yang dicetak/disalin yang akan ditanggung oleh pihak MBSJ seperti berikut- Anggaran salinan yang dicetak/disalin 1. Mesin berkelajuan 35 ppm (hitam putih) 2. Mesin berkelajuan 35 ppm (warna)	65,000 2,000	780,000 24,000	2,340,000 72,000				
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)								



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

PENENTUAN PERKHIDMATAN

SKOP PERKHIDMATAN PENYEWAAN / PENENTUAN PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

MBSJ.KUB.400-5/6/712

Skop perkhidmatan bagi penyewaan mesin fotostat yang ditawarkan hendaklah termasuk perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

A. CAJ SEWA DAN CAJ BACAAN METER (*METER READING*)

1. Pihak syarikat hendaklah mempunyai pakej yang menawarkan bayaran penggunaan caj bacaan meter (*meter reading*) **RM0.03 sesalinan untuk hitam/putih dan RM0.35 untuk warna atau lebih rendah** dan penawaran sekurang-kurangnya **minima 3% *Spoilt Copy Rebate***.
2. Harga sewa dan caj bacaan meter adalah tetap dan apa-apa permohonan bagi tujuan kenaikan harga oleh pihak syarikat tidak akan dibenarkan melainkan dengan persetujuan bertulis pihak Majlis. Jika sebarang kenaan SST dikenakan kepada pihak Majlis perlulah disertakan dengan salinan pengesahan pendaftaran SST daripada syarikat.
3. Setiap tuntutan bayaran caj bacaan meter perlu disertakan dengan dokumen sokongan seperti ***Print Counter Report*** yang telah disahkan oleh pegawai bertugas jabatan terlebih dahulu. Pihak syarikat perlu menyediakan tenaga kerja untuk mengambil bacaan meter ini setiap bulan.
4. **Tempoh perkhidmatan** adalah selama **tiga puluh enam (36) bulan**. Manakala tarikh mula dan tamat perkhidmatan penyewaan untuk setiap mesin penyalin adalah ditetapkan pada satu tarikh seperti yang tertera pada Surat Setuju Terima.

B. KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN

Pihak syarikat akan memastikan segala kerja-kerja penyelenggaraan mesin penyalin akan dibuat di antara jam 8.15 pagi hingga 5.15 petang dari hari Isnin hingga Jumaat kecuali cuti kelepasan am. Berikut adalah perkara-perkara yang terlibat di dalam kerja-kerja tersebut-

1. Kerja-kerja penyelenggaraan mesin penyalin dilakukan sekurang-kurangnya sekali sebulan seperti memeriksa, mengubah dan membaiki tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada pihak Majlis.
2. Menggantikan sebarang bahagian atau alat ganti yang rosak agar mesin penyalin tersebut dapat beroperasi dengan baik dan memuaskan hati pihak Majlis tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada pihak Majlis.
3. Membekalkan peralatan pakai habis seperti *toner*, *drum*, kecuali kertas dan dawai kokot secara percuma sepanjang tempoh Kontrak. **Toner/ katrij perlu dibekalkan secara *ekstra* sebanyak 1 set (simpanan stok di jabatan-jabatan MBSJ) bagi keperluan segera jabatan sekiranya toner sedia ada habis digunakan.**
4. ***Response time* kepada setiap aduan sama ada melalui panggilan telefon/ email/ surat bertulis adalah dalam tempoh 2-4 jam dalam hari bekerja untuk diambil tindakan.**
5. Pihak syarikat juga akan menyediakan mesin penyalin tambahan sebagai *back-up machine* jika berlaku kerosakan yang memerlukan *major repair* atau MBSJ memerlukan mesin tambahan apabila kerja terlalu banyak dan mesin tambahan ini akan dikenakan caj meter sahaja tanpa bayaran sewaan bulanan. Manakala bayaran caj bacaan meter adalah sama seperti di dalam kontrak perjanjian sedia ada.
6. **Pihak syarikat perlu menyediakan perkhidmatan teknikal melibatkan mesin penyalin seperti *Network Service*, *Password Setting* dan lain-lain perkhidmatan pada bila-bila masa yang diperlukan tanpa sebarang kos tambahan yang akan dikenakan kepada pihak Majlis.**

C. PENGHANTARAN DAN PEMASANGAN

1. Pihak syarikat perlu menghantar mesin penyalin dalam tempoh tujuh (7) hari selepas SST ditandatangani dan sebelum kontrak bermula ke **Lokasi Penempatan Mesin Fotostat yang telah ditetapkan**. Pihak Majlis akan memaklumkan terlebih dahulu sekiranya terdapat perubahan pada tarikh serahan.
2. Pihak syarikat juga akan menanggung segala kos pemasangan dan penghantaran mesin penyalin tersebut hinggalah di dalam keadaan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik.

3. Sebarang perubahan lokasi penempatan mesin penyalin hendaklah dilaksanakan oleh pihak syarikat tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada pihak Majlis.

D. JAMINAN

1. Pihak syarikat akan memberi jaminan bahawa mesin penyalin tersebut adalah **mesin baru** dan berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk, dengan syarat mesin tersebut tidak diubah-suai oleh pihak Majlis tanpa memberikan sebarang notis kepada pihak syarikat.
2. Jika berlaku sebarang kerosakan mesin penyalin tersebut, maka pihak syarikat akan menggantikan kerosakan tersebut dan segala kos yang berkaitan adalah ditanggung oleh pihak syarikat.
3. Surat rasmi jaminan/sokongan daripada prinsipal perlu disertakan jika pihak syarikat bukan pengeluar utama.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

LOKASI PENEMPATAN

LOKASI PENEMPATAN MESIN FOTOSTAT

SENARAI LOKASI PENEMPATAN MESIN PENYALIN HITAM PUTIH JENIS DUTI SEDERHANA DI SETIAP JABATAN DAN PEJABAT CAWANGAN

BIL	LOKASI	JABATAN	KELAJUAN MESIN (PPM)	UNIT
1	Pejabat Datuk Bandar, Aras 2, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya	Pejabat Datuk Bandar	35 ppm	1
2	Jabatan Khidmat Pengurusan, Aras 2, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Khidmat Pengurusan	35 ppm	1
3	Unit Urusetia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Aras 2, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya	Jabatan Khidmat Pengurusan	35 ppm	1
4	Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik, Aras 2, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Korporat	35 ppm	1
5	Jabatan Bangunan, Aras 3, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Bangunan	35 ppm	1
6	Jabatan Perancangan Bandar, Aras 3, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Perancangan Bandar	35 ppm	1

BIL	LOKASI	JABATAN	KELAJUAN MESIN (PPM)	UNIT
7	Jabatan Kejuruteraan, Aras 3, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya Selangor Darul Ehsan	Jabatan Kejuruteraan	35 ppm	1
8	Jabatan Audit Dalam, Aras 1, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Audit Dalam	35 ppm	1
9	Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Aras 1, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya	Jabatan Pengurusan Alam Sekitar	35 ppm	1
10	Unit Penguatkuasa, Jabatan Pelesenan, Aras 1, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Pelesenan	35 ppm	1
11	Jabatan Pelesenan, Aras 1, Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Pelesenan	35 ppm	1
12	Pejabat Pengurusan 3 Bangunan Ibu Pejabat MBSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, 47610 Subang Jaya	Jabatan Penguatkuasaan	35 ppm	1
13	Bilik Gerakan, Jabatan Kesihatan USJ 9, No. 22-5, Jalan USJ 9-5T, Subang Business Centre, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Kesihatan	35 ppm	1

BIL	LOKASI	JABATAN	KELAJUAN MESIN (PPM)	UNIT
14	Bengkel Mekanikal, Jalan TP2, Taman Perindustrian Subang Jaya, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Khidmat Pengurusan	35 ppm	1
15	Mahkamah Munisipal SS15, E-09, Tingkat 1, Bangunan Subang Square, Jalan SS 15/4, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Khidmat Pengurusan	35 ppm	1
16	Bahagian Pentadbiran Jabatan Pembangunan Masyarakat, Aras G Kompleks 3C, Jalan PJS 11/2, Taman Bandar Sunway, Petaling Jaya 46150 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Pembangunan Masyarakat	35 ppm	1
17	Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (PPK) Jabatan Pembangunan Masyarakat, Pentadbiran JPM, Aras G Kompleks 3C, Jalan PJS 11/2, Taman Bandar Sunway, Petaling Jaya, 46150 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Pembangunan Masyarakat	35 ppm	1
18	Perpustakaan Hipermedia, Bandar Puteri Puchong, Persiaran Puteri 1, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Pembangunan Masyarakat	35 ppm	1
19	Unit Operasi Penguatkuasa, Kompleks 3K MBSJ, Jalan SR ¾, Taman Serdang Raya, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Penguatkuasaan	35 ppm	1

BIL	LOKASI	JABATAN	KELAJUAN MESIN (PPM)	UNIT
20	Pejabat Penguatkuasa Stadium Tertutup Serdang Jaya, Jalan Raya 7/1, Serdang Jaya, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Penguatkuasaan	35 ppm	1
21	Pejabat Penguatkuasa Depoh Tunda dan Trafik Stadium Tertutup Serdang Jaya, Jalan Raya 7/1, Serdang Jaya, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan	Jabatan Penguatkuasaan	35 ppm	1



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

KADAR DENDA

KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN

Syarikat boleh dikenakan denda seperti berikut mengikut kes (merujuk PK 4.2 Perkara 9.10.3 (a) dan (b)) :

1. Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut :

$$\frac{V (T + D)}{T} \times 5\%$$

V: Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan;

T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan

D: Bilangan hari yang lewat.

2. Setelah penerimaan peralatan sempurna dan didapati peralatan rendah kualiti daripada spesifikasi, Majlis boleh meminta syarikat menggantikan peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis.

Pihak Majlis akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan tersebut.

3. Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis dengan menggunakan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

4. Sekiranya syarikat gagal mematuhi tempoh *respons*, pembaikan dan pembekalan yang ditetapkan, maka syarikat akan dikenakan denda/penalti mengikut **Service Level Agreement (SLA) Penalty dengan kiraan denda lewat sebanyak RM50.00** bagi setiap jam kelewatan atau sebahagian daripadanya.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN N

MAKLUMAT PETENDER